

**SOALAN NO.: 45**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATO' SRI DOUGLAS UGGAH EMBAS**  
**[BETONG]**  
**TARIKH : 24 Julai 2017**  
**SOALAN : 45**

**YB Dato' Sri Douglas Uggah Embas [Betong]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah rancangan Kerajaan untuk menambah khidmat perubatan pakar di negeri Sarawak di hospital-hospital daerah.

**Tuan Yang di- Pertua,**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sentiasa berusaha untuk meningkatkan bilangan doktor pakar supaya pada masa akan datang lebih banyak doktor pakar dapat ditempatkan di hospital-hospital berpakar KKM termasuk hospital yang dikenalpasti di daerah di negeri Sarawak.

Selaras dengan usaha berkenaan, Kerajaan telah berjaya meningkatkan bilangan Pakar Perubatan di Sarawak kepada 350 orang pada tahun 2017 berbanding dengan 241 orang pada tahun 2014 iaitu peningkatan melebihi 45.3 peratus.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Antara usaha yang telah diambil Kementerian dalam meningkatkan bilangan Pakar Perubatan di seluruh negara termasuk Sarawak adalah seperti berikut:

- (i) Meningkatkan pengambilan Pegawai Perubatan menjalani program sarjana kepakaran dengan Hadiah Latihan Persekutuan daripada 800 slot sehingga tahun 2014 kepada 1,000 slot mulai tahun 2015.
- (ii) Menggalakkan Pegawai Perubatan yang berminat untuk menjadi pakar menjalani latihan kepakaran melalui program laluan paralel.
- (iii) Melantik semula Pakar Perubatan yang telah tamat kontrak untuk berkhidmat dengan KKM mengikut keperluan.
- (iv) Melantik semula secara kontrak Pakar Perubatan warganegara yang telah bersara wajib untuk berkhidmat dengan KKM mengikut keperluan.
- (v) Mendapatkan perkhidmatan kepakaran dari pihak swasta untuk berkhidmat secara sesional.

- (vi) Menggalakkan Pakar Perubatan warganegara Malaysia yang berkhidmat di luar negara untuk pulang ke tanah air.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kerajaan juga telah melaksanakan beberapa inisiatif untuk meningkatkan serta menggalakkan Pakar Perubatan berkhidmat di hospital Kerajaan di Sarawak adalah seperti berikut:

- (i) Memperkenalkan Bayaran Insentif Penempatan Pakar Perubatan/ Pergigian (BIPP) kepada Pegawai Perubatan Pakar yang bertugas di fasiliti kesihatan di Sabah dan Sarawak berkuat kuasa 1 Julai 2016. Kadar bayaran adalah dalam lingkungan RM500.00 hingga RM2,000.00 bagi kawasan bandar dan lingkungan RM1,000.00 hingga RM2,500.00 bagi kawasan luar bandar.
- (ii) Memberi peluang kepada Pakar Perubatan melanjutkan pelajaran dalam bidang sub kepakaran iaitu seramai 150 setahun.